

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2023

TARIKH : 30 JANUARI 2023 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING, MPKL

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis

12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis
13. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
20. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis
21. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
22. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
23. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan - Setiausaha Mesyuarat

TURUT HADIR

1. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
2. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, P.J.K.**
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
4. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Landskap
5. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
6. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
7. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
8. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
9. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
10. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Jabatan Teknologi Maklumat
11. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
12. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Ketua Unit Perundangan
13. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**
Ketua Unit Pusat Setempat
14. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
15. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Pegawai Tadbir

2. **Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus**
Penolong Pegawai Tadbir
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi
6. **Encik Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.		Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:		
	2.1	Program Retreat Ahli Majlis akan diadakan pada 15 hingga 18 Februari 2023 di Langkawi, Kedah. Program ini diadakan bagi membincangkan hala tuju MPKL. Antara tentatif program ialah lawatan ke Majlis Perbandaran Langkawi bagi melihat tempat simpanan anjing. Sebagai makluman juga, pihak Majlis bercadang mewujudkan tempat simpanan anjing di tanah berkeluasan 3 ekar yang terletak di Sungai Raba.	Makluman
	2.2	Pihak Majlis telah melantik 'Tee Tailor' untuk bekalan 'long suit' Ahli-Ahli Majlis bagi tahun 2023.	Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 DISEMBER 2022	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King dan disokong oleh Encik Haridass a/l Ramasamy tanpa sebarang pindaan.	Makluman

4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	- TIADA -	Makluman
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 9.3.1 (m.s.10)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan trek jogging di luar Stadium Jugra perlu ditambah baik.</p> <p><i>Dimaklumkan perkara ini telah dimasukkan dalam 7 kerja di bawah caj pemajuan dan akan diiklankan pada tahun ini.</i></p> <p><i>Berkenaan baik pulih trek di dalam Stadium Jugra pula, dimaklumkan perkara ini terpaksa ditangguhkan kerana melibatkan kos yang tinggi.</i></p>	Makluman

	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 2.0 (m.s.4)</u></p> <p>Berkenaan pembinaan ‘flyover’ di Bandar Saujana Putra, dimaklumkan pihak pemaju telah menerima permit kerja daripada pihak PLUS. Mesyuarat juga dimaklumkan projek ini yang sepatutnya siap pada bulan Mei terpaksa dianjakkan ke bulan Disember 2023.</p> <p>Berkenaan penyelenggaraan di kawasan ‘flyover’ sepanjang 400 meter, pihak Majlis berpendapat ia di bawah tanggungjawab PNSB.</p>	Makluman
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Encik Panalsalwa ingin tahu status pembinaan Krematorium di Serdang Belah – tidak dimasukkan dalam minit mesyuarat.</p> <p><i>Pihak jabatan memaklumkan sedang dalam penyediaan BQ untuk perkiraan peruntukan dan tatacara lantikan perunding. Pihak Majlis juga akan mengadakan satu lawatan ‘benchmark’ ke</i></p>	Makluman

		<i>Krematorium di Majlis Perbandaran Sepang.</i>	
	ii.	<u>Perkara 5.3.4 (m.s.9)</u> Encik Gan Yee Chin memaklumkan di Jalan 1A, Taman Angkasa, pihak JL telah beberapa kali mengeluarkan notis pembersihan di lot-lot kosong. Oleh itu, beliau mencadangkan pemilik tanah yang gagal mematuhi notis dikenakan tindakan perundangan dan dihebahkan di laman sosial untuk makluman orang awam.	JL/UU
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 5.1.2 (m.s.5)</u> Berkenaan 10 unit CCTV yang baharu, dimaklumkan pihak jabatan dalam proses pemasangan di setiap lokasi dan dijangka siap pada minggu ini.	Makluman
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN 20 JANUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
6.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 24 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 DISEMBER 2022	

	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 25 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 DISEMBER 2022	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	7.1	<p><u>ADDENDUM NO.1</u></p> <p>CADANGAN MENGADAKAN LAWATAN Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Bersama Ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat ke Majlis Perbandaran Langkawi</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Cadangan Pelaksanaan</u></p> <p>Lawatan kerja ini akan diadakan selama 4 hari 3 malam mengikut ketetapan seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;">Tarikh : 15 hingga 18 Februari 2023 (Rabu hingga Sabtu)</p> <p style="text-align: center;">Bilangan : 50 orang peserta</p> <p style="text-align: center;">Tempat : Langkawi, Kedah</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini di mana peruntukan perbelanjaan Vot B29112 (Retreat Ahli Majlis) ini akan disalurkan dan diuruskan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan MPKL.</p>	JKP

8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh YDM. Tengku Dato' Mohamed Alhaj,		
	i.	Beliau mengucapkan Salam dan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Setiausaha Mesyuarat, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	Makluman
	ii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dengan izin-Nya dapat bersama-sama dalam Mesyuarat MPKL bilangan 1 bagi tahun 2023. Mudah-mudahan majlis hari ini mendapat limpahan rahmat dan keberkatan daripada Allah s.w.t. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada MPKL kerana memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	Makluman
	iii.	Ucapan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik. Beliau percaya Ahli-Ahli Majlis mempunyai kekuatan dan kepakaran dalam bidang masing-masing dan mampu membantu MPKL ke arah yang lebih dinamik dan progresif.	Makluman
	iv.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana tahun ini merupakan tahun ke-7 beliau dilantik sebagai Orang Besar Daerah Kuala Langat dan penggal ke-4 sebagai Ahli Majlis, MPKL. Beliau menjunjung kasih kepada DYMM Sultan Selangor yang telah memberi kepercayaan kepada beliau di atas pelantikan tersebut.	Makluman
	v.	Ucapan Selamat Tahun Baru Cina kepada Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MPKL yang meraikannya.	Makluman
	vi.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana selepas 6 tahun menunggu, perjuangan penduduk di Bandar Saujana Putra (BSP) telah menampakkan hasil dengan bermulanya pembinaan 'flyover' tetapi malangnya, kerja-kerja yang dijangka siap pada bulan Mei 2023	Makluman

		hanya tinggal janji kosong. Malah ada kalangan penduduk di BSP mengibaratkan projek tersebut sebagai tugu peringatan di Selangor. Beliau difahamkan satu mesyuarat khas di peringkat Kerajaan Negeri telah diadakan pada minggu lepas dan beliau berharap akan ada satu kerjasama dan tindakan positif daripada Kerajaan Negeri dengan kadar segera.	
	vii.	Baru-baru ini pihak Majlis telah memutuskan bahawa pelan-pelan pembangunan daripada Bandar Rimbayu, Tropicana Aman, Eco Sanctuary dan Gamuda tidak disokong untuk kelulusan sehingga pihak pemaju dapat menyelesaikan isu kesesakan trafik di BSP. Tindakan yang sama juga telah dibuat oleh pihak Majlis terhadap pemaju bagi cadangan pembinaan pangsapuri BSP3. Beliau amat menyokong tindakan MPKL dan diharap selepas ini, pihak Majlis akan lebih tegas dan dijadikan pengajaran kepada pemaju-pemaju di daerah Kuala Langat.	Makluman
	viii.	Beliau mengucapkan terima kasih kepada MPKL khususnya kepada YBhg. Dato' YDP kerana telah melantik pihak perunding untuk menjalankan kajian sistem perparitan sempadan di kawasan SP9 dan SP10 serta ladang teh BOH yang kerap dilanda banjir apabila hujan lebat. Susulan daripada itu, satu taklimat pembentangan laporan kajian tersebut telah diadakan pada awal tahun ini. Diharap selepas kerja-kerja selesai dijalankan, penduduk dapat tinggal di kawasan tersebut tanpa masalah.	Makluman
	ix.	Satu lagi isu yang sering mendapat perhatian ialah isu jalan berlubang di BSP kerana sering dilalui lori-lori yang membawa tanah dan pasir ke kawasan berhampiran seperti di Rimbayu dan Kampung Lombong. Kerja-kerja turapan jalan yang dibuat oleh pihak kontraktor hanya dibuat ala kadar dan tidak sempurna. Kaedah yang dibuat hanya bertahan buat sementara sahaja dan jalan tersebut telah berlubang	Makluman

		semula. Beliau berharap pihak Majlis dapat membuat pemantauan terhadap perkara ini.	
	x.	Baru-baru ini, beliau dimaklumkan ada berlaku pencerobohan di depoh simpanan kenderaan terlantar di BSP. Oleh itu, beliau mencadangkan pemasangan CCTV dan menempatkan seorang pengawal keselamatan di depoh tersebut agar kejadian tersebut tidak berulang.	Makluman
	xi.	Setiap kali perayaan, beberapa jalan utama di daerah Kuala Langat akan dihiasi dengan lampu hiasan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa lampu tidak menyala, malap dan mencatatkan keindahan pencahayaan di kawasan tersebut. Beliau memohon pihak Majlis membuat pemeriksaan dan memastikan lampu-lampu hiasan menyala sebelum dipasang.	Makluman
	xii.	Akhir kata, beliau memohon maaf jika ada kesilapan atau terkasar kata dan berharap segala cadangan beliau akan mendapat perhatian sewajarnya. Beliau juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada warga kerja MPKL kerana telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis yang lain yang telah bekerjasama dan memberi idea yang cukup hebat.	Makluman
8.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada YDM. Tengku Dato' Mohamed Alhaj atas ucapan penangguhan pada hari ini. Beliau berharap segala perkara yang dibangkitkan dapat diambil tindakan oleh jabatan-jabatan yang terlibat. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.00 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 1 Februari 2023

Disemak oleh :

.....
(MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T.)

Setiausaha Mesyuarat,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. U PUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpkl1/2023